

USIM buka jualan tapak gerai Pesta Konvo

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kini membuka jualan tapak dan pendaftaran gerai bunga serta cendera mata bersempena sambutan Pesta Konvo yang ke-12 pusat pengajian itu yang akan bermula pada 13 hingga 16 November ini.

Sejak jualan fasa pertama itu dibuka Ahad lalu, sebanyak 12 tapak gerai terjual khususnya daripada penjualan gerai bunga dan cenderahati.

Ketua Bahagian Operasi sambutan Pesta Konvo itu, Nawal Ashiqin Abdul Rahman berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada peniaga untuk mendapatkan tapak yang strategik bagi meraih keuntungan sepanjang Pesta Konvo tersebut diadakan.



Menurutnya, hanya tinggal beberapa tapak lagi yang masih kosong untuk jualan bunga dan cendera mata dan masih dibuka untuk mereka yang berminat.

"Pendaftaran untuk fasa kedua akan dibuka pada 27 dan 28 September ini untuk peniaga yang menjual bahan basah seperti makanan dan juga bahan kering sep-

erti pakaian.

"Ini merupakan kali pertama Pesta Konvokesyen USIM dikendalikan oleh para pelajarnya sendiri dengan kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad," katanya.

Nawal Ashiqin berkata, jualan fasa kedua itu akan diadakan di lobi Fakulti Ekonomi dan Muamalat universiti itu dan sepanjang sambutan kali ini, sebanyak 410 orang pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi dan Muamalat terlibat.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Siti Nur Farhana Azmi menerusi 013-5830281 atau Siti Zulaikha Ismail (017-6300167) atau layari laman web iaitu <http://iceps10.usim.edu.my> dan Facebook program sambutan itu di www.facebook.com/ICEPS10.